

Qiraat 'Ashr dan Penetapan Konsep *Nasakh* dan *Mansukh*

[Qiraat 'Ashr and The Determination of The Concepts of Nasakh and Mansuh]

Ismail Abd Halim¹, Azhar Muhammad² & M. Jismani Yusoff³

- ¹ (Corresponding Author) Faculty of Language Studies and Human Development Universiti Malaysia Kelantan, 16100, Malaysia, e-mail: khadimulquran@yahoo.com
- ² Faculty of Language Studies and Human Development Universiti Malaysia Kelantan, 16100, Malaysia, e-mail: azhar.my@umk.edu.my
- ³ Department of Quran and Hadis, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia, e-mail: jisman797@yahoo.com

ABSTRACT

The concept of nasakh and mansukh is accepted by most scholars as one of the concepts in the interpretation of the Quran. However, some scholars deny the practice of this concept in interpreting the Quran. Verse 106 of Surah al-Baqarah is among the arguments used by most scholars in setting this concept. However, this sentence contains qiraat differences that can influence interpretation. Therefore, this article aims to unravel and reveal the influence of Qiraat 'Ashr in setting the concept of nasakh and mansukh and evaluate whether Qiraat 'Ashr can support the majority of scholars. The study was conducted based on a qualitative study approach. The primary data are obtained from the books of tafsir, qiraat and tawjih besides journals and theses concerned. It is analyzed through the istinbat and tarjih methods. The study results found that the difference in Qiraat 'Ashr in verse 106 of surah al-Baqarah is very influential in setting the concept of abrogation and mansukh while supporting the majority of scholars. It also reveals another aspect of the concept of nasakh and mansukh, which is to forget the verses of the Qur'an that have been revealed. In addition, it also features an element of affirmation in refuting any disobedience to the concepts of nasakh and mansukh. This study concludes that the difference between qiraat and its role in interpreting the Quran is indeed an exciting field to study because it can resolve the turmoil of understanding the Quranic texts or at least increase confidence in believing the Quranic texts base.

Keywords: *Qiraat 'Ashr, Concept, Establishment, Nasakh and Mansukh*

ABSTRAK

Konsep *nasakh* dan *mansukh* diterima oleh majoriti ulama sebagai salah satu konsep dalam pentafsiran al-Quran. Namun, terdapat juga segelintir ulama yang menafikan pengamalan konsep ini dalam pentafsiran al-Quran. Ayat 106 daripada surah al-Baqarah adalah antara hujah yang digunakan oleh majoriti ulama dalam menetapkan konsep ini. Ayat ini mengandungi perbezaan qiraat yang boleh mempengaruhi pentafsiran. Maka, tulisan ini bertujuan merungkai dan memberi pendedahan tentang pengaruh Qiraat '*Ashr* dalam penetapan konsep *nasakh* dan *mansukh* di samping membuat penilaian adakah Qiraat '*Ashr* mampu memberi sokongan kepada pegangan majoriti ulama. Kajian ini dijalankan berasaskan pendekatan kajian kualitatif. Data-data utama diperoleh daripada kitab-kitab tafsir, qiraat dan *tawjih* serta jurnal dan tesis yang berkenaan. Ia dianalisis dengan kaedah *istinbat* dan *tarjih*. Hasil kajian mendapati bahawa perbezaan Qiraat '*Ashr* dalam ayat 106 surah al-Baqarah amat berpengaruh dalam penetapan konsep *nasakh* dan *mansukh* sekaligus menyokong pegangan majoriti ulama. Bahkan, ia juga turut mendedahkan aspek lain daripada konsep *nasakh* dan *mansukh* iaitu melupakan ayat-ayat al-Quran yang pernah diturunkan. Di samping itu, ia juga menampilkan unsur penegasan dalam menyanggah sebarang keingkaran terhadap konsep *nasakh* dan *mansukh*. Kajian ini menyimpulkan bahawa perbezaan qiraat dan peranannya kepada pentafsiran al-Quran memang suatu bidang yang amat menarik untuk dikaji kerana ia boleh menyelesaikan kemelut kefahaman terhadap nas-nas al-Quran atau setidaknya menambah keyakinan terhadap suatu pegangan yang berlandaskan nas-nas al-Quran.

Kata Kunci: Qiraat '*Ashr*, Konsep, Penetapan, *Nasakh* dan *Mansukh*

How to Cite:

Received	: 30-03-2023	Abd Halim, I., Muhammad, A., & Yusoff, M. J. (2023). Qiraat
Accepted	: 27-05-2023	' <i>Ashr</i> dan Penetapan Konsep <i>Nasakh</i> dan <i>Mansukh</i> .
Published	: 31-05-2023	<i>RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge</i> , 4(1), 54-76.

1. Pendahuluan

Konsep *nasakh* dan *mansukh* adalah merupakan salah satu konsep yang diaplikasikan oleh ulama tafsir dalam memahami ayat-ayat tertentu dalam al-Quran yang jelas nampak berlawanan pada zahirnya (al-Zurqani, 1995). Namun, konsep ini tidak disepakati oleh semua ulama kerana ada dalam kalangan ulama yang menolaknya seperti Abu Muslim al-Asfahani yang menolak kewujudan *nasakh* dan *mansukh* dalam al-Quran (al-Zurqani, 1995) atau Muhammad Abduh yang menolak kewujudannya dalam al-Quran dengan maksud pembatalan walaupun menyetujuinya dengan maksud penggantian atau peralihan (Ahmad Yasir, 2020).

Majoriti ulama (Manna' al-Qattan, t.t) menerima konsep *nasakh* dan *mansukh* ini dengan bersandarkan kepada beberapa dalil. Antara dalil utama adalah ayat 106 daripada surah al-Baqarah yang berbunyi:

مَا نَنْسَخْ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِنْهَا أَوْ مِثْلَهَا أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٠٦﴾

Terjemahan: Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansukhkan (batalkan), atau yang Kami tinggalkan (atau tanggihkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya. Tidakkah engkau mengetahui bahawasanya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu? (al-Baqarah, 1: 106).

Menurut pandangan Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili (2009), perkataan “ayat” dalam ayat ini adalah merujuk kepada potongan daripada surah al-Quran kerana ia disebut secara mutlak. Ini bererti ayat ini secara spesifik menunjukkan penetapan konsep *nasakh* dan *mansukh* di dalam al-Quran. Namun, menurut al-Alusi (1994) pula perkataan tersebut tidak menunjukkan *nasakh* itu hanya berlaku kepada al-Quran tetapi ia digunakan atas dasar kebiasaan sahaja kerana *nasakh* juga boleh berlaku kepada selain ayat al-Quran. Atas kenyataan al-Alusi ini maka ayat ini juga digunakan sebagai dalil kepada penetapan konsep *nasakh* dan *mansukh* bagi selain al-Quran. Ini berbeza dengan pandangan Muhammad Abduh kerana beliau berpendirian bahawa maksud “ayat” dalam firman Allah Taala di atas adalah bukan ayat-ayat al-Quran tetapi mukjizat-mukjizat yang menunjukkan kebenaran para rasul (Muhammad Rashid Rida, 1947).

Sebenarnya, ayat yang dijadikan dalil oleh majoriti ulama ini bukan hanya menetapkan konsep *nasakh* dan *mansukh* malah ia memperincikan pula jenis-jenisnya yang berlaku dalam al-Quran. Perincian tersebut disingkapi melalui analisis terhadap perbezaan qiraat yang ada dalam ayat tersebut. Sehubungan dengan itu, tulisan ini bertujuan mendedahkan hasil analisis terhadap perbezaan qiraat dalam ayat 106 surah al-Baqarah ini sekaligus menyingkapi rahsia di sebalik perbezaan qiraat tersebut serta keunikan cara penyampaian maklumat oleh Allah Taala melalui kalamNya yang mulia dan pada masa yang sama mengenalpasti apakah perbezaan qiraat dalam ayat ini ada hubungan dengan penetapan konsep *nasakh* dan *mansukh*.

2. Sorotan Literatur

Persoalan *nasakh* dan *mansukh* telah ditulis oleh para ulama sejak berzaman. Mustafa Mahmud (2008) telah menyenaraikan seramai 72 orang sarjana Islam yang telah menulis secara tunggal tentang persoalan ini. Menurutnya lagi penulisan secara tunggal mengenainya telah bermula sejak kurun ke-2 hijrah

lagi dan tokoh pertama yang memulakan penulisannya ialah Qatadah bin Di'amah al-Sadusi yang wafat pada tanggal 117 hijrah dengan judul bukunya yang diberi nama *Kitab al-Nasikh wa al-Mansukh fi Kitabillah*. Fakta ini turut disokong oleh Hatim Soleh al-Damin (1985) dengan katanya “ia (merujuk kepada kitab karangan Qatadah) adalah kitab terawal tentang *nasikh mansukh* yang sampai kepada kami” (h. 5).

Sungguhpun begitu, penulisan mengenainya masih lagi rancak sehingga ke hari ini dengan penumpuan diberikan kepada sudut-sudut pandang tertentu secara berlainan di antara satu dengan yang lain. Antara sudut-sudut pandang yang diberikan penumpuan oleh para pengkaji dan penulis adalah kajian pandangan tokoh terhadap konsep *nasakh* dan *mansukh* bagi menjelaskan perbezaan pandangan dalam kalangan mereka seperti kajian Ahmad Yasir (2020) yang membuat perbandingan perspektif antara dua orang tokoh iaitu Jalaluddin al-Suyuthi dan Muhammad Abduh tentang konsep *nasakh* dan *mansukh*. Antara dapatan kajian ini adalah perbezaan pada menetapkan kewujudan konsep ini dalam al-Quran di mana al-Suyuthi menyetujui kewujudan tersebut manakala Muhammad Abduh adalah sebaliknya. Dalam pada itu, adakalanya kajian tokoh ini dijalankan bagi mendapatkan sokongan kepada salah satu aliran pegangan dalam konsep *nasakh* dan *mansukh* seperti kajian Muhammad Rafi (2020) yang mengkaji berkaitan pandangan Syah Wali Allah al-Dahlawi berkenaan *nasikh* dan *mansukh*. Beliau mendapati bahawa Syah Wali Allah mempunyai pegangan tersendiri kerana beranggapan bahawa hanya ada lima ayat dalam al-Quran yang dimansuhkan hukumnya.

Rentetan daripada sifat *nasakh* dan *mansukh* yang bersangkutan dengan pembatalan atau penggantian ayat al-Quran dengan yang lain ditambah pula dengan segelintir ulama yang menolak konsep *nasakh* dan *mansukh* maka Muhamad Izazi Nurjaman (2021) menulis berkaitan kebarangkalian perkara ini mendatangkan pengaruh terhadap kedudukan al-Quran sebagai sumber hukum. Natiujahnya, beliau menegaskan bahawa perkara tersebut tidak mendatangkan sebarang pengaruh jika berlandaskan aturan dan syarat yang ditetapkan oleh para ulama bahkan padanya terdapat keistimewaan dalam sistem pemahaman al-Quran.

Dalam pada itu, kajian tentang *nasakh* dan *mansukh* turut didapati dalam bentuk kajian terhadap implikasinya kepada *istinbat* hukum yang antaranya dijalankan oleh Eli Sabrifha dan Mochammad Novendri S (2022). Mereka menyimpulkan bahawa perbahasan tentang kewujudan *nasakh* dan *mansukh* adalah satu isu yang tidak kunjung berakhir. Namun, implikasinya hanya kepada proses penetapan hukum di samping pertimbangan terhadap aspek-aspek lain semasa suatu dalil diwahyukan.

Berhubung dengan isu polemik kewujudan *nasakh* dan *mansukh* terdapat juga kajian yang cuba mencadangkan jalan keluar daripada polemik tersebut iaitu kajian yang dilaksanakan oleh Abdul Jalil (2019). Beliau

mencadangkan agar menghadapi pertentangan di antara satu ayat dengan ayat yang lain bukan dengan cara penerapan konsep *nasakh* dan *mansukh* tetapi melalui konsep *tawjih al-Ayat* iaitu menentukan posisi sebenar sesuatu ayat. Cadangan beliau ini diasaskan di atas pendapat bahawa tiada sebarang pemansuhan terhadap ayat-ayat al-Quran sebagaimana pendapat segelintir ulama. Beliau juga menyatakan bahawa dalil-dalil berkaitan kewujudan *nasakh* dan *mansukh* sebenarnya merujuk kepada syariat terdahulu sebelum syariat Nabi Muhammad SAW.

Selain itu, Reflita (2017) mencadangkan melalui kajiannya terhadap *nasakh* dan *mansukh* secara khusus dalam al-Quran agar pemaknaan *nasakh* dikaji dan dimaknai dengan makna yang lebih sesuai dan mengimbangi perbezaan pendapat dalam kalangan para ulama. Kenyataan ini adalah bertitik tolak daripada dapatan beliau yang menjelaskan bahawa perbezaan tersebut adalah disebabkan oleh perbezaan pada menentukan suatu ayat itu dimansuhkan atau berlaku peralihan hukum kerana perbezaan keadaan.

Kesimpulannya, kajian-kajian yang diketengahkan oleh penulis di atas adalah berlegar di sekitar penetapan konsep *nasakh* dan *mansukh*. Terdapat banyak lagi kajian mengenainya dalam sudut pandang yang lain namun tidak diketengahkan di sini kerana tidak mempunyai perkaitan rapat dengan fokus kajian ini. Kajian-kajian yang diketengahkan di atas menzahirkan bahawa konsep *nasakh* dan *mansukh* adalah suatu konsep yang tidak disepakati oleh para ulama. Justeru ia perlu kepada bukti-bukti yang banyak dan kukuh bagi menguatkan penetapan konsep tersebut. Oleh itu, penulis membuat kesimpulan bahawa perbezaan qiraat '*ashr*' yang wujud dalam ayat 106 surah al-Baqarah boleh memainkan peranannya dalam pembuktian tersebut, ditambah pula ia merupakan sudut pandang baru dalam medan kajian *nasakh* dan *mansukh* yang belum diberi fokus oleh mana-mana pengkaji sebelum ini.

3. Metodologi Kajian

Tulisan ini adalah hasil kajian yang dikendalikan dengan menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kepustakaan. Kepustakaan yang dimaksudkan di sini adalah kitab-kitab ulama silam atau terkini serta hasil-hasil kajian lepas yang diperolehi melalui perantara muat turun karya-karya tersebut dalam bentuk format dokumen mudah alih (pdf). Ini bagi memastikan bahawa dokumen-dokumen yang dimuat turun kekal sebagaimana asal dan mempunyai kesahan yang diterima sebagai penyumbang data kepada kajian ini. Antara komponen kitab yang dirujuk dalam kajian ini adalah komponen kitab bahasa Arab yang terdiri daripada kamus, *mu'jam* dan juga kitab *nahu* dan *sorf*. Komponen yang turut terlibat adalah kitab *tawjih* qiraat dan kitab tafsir.

Penulis menggunakan kaedah induktif (*istiqla*) dalam proses pengumpulan data berkaitan perkataan dalam ayat 106 suruh al-Baqarah yang

terdapat perbezaan qiraat padanya. Untuk tujuan ini hampir semua kitab-kitab dalam komponen *tawjih* qiraat dan tafsir adalah dirujuk dan dikutip datanya tentang perkara tersebut. Data-data ini kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah deduktif (*istinbat*) iaitu dengan meneliti kenyataan para ulama kemudian memparafrasakan kenyataan mereka ke dalam tema yang menyatukan setiap kategori yang berbeza.

Kaedah *tarjih* (memilih yang paling tepat) digunakan dalam kajian ini bagi menangani perbezaan pendapat dalam kalangan ulama. Perkara yang digunakan sebagai sandaran dalam *tarjih* adalah seperti berikut:

- i. Kewujudan qiraat lain walaupun *shadhdhah* sebagai penyokong. Ini kerana qiraat mutawatirah berperanan sebagai pentafsir kepada qiraat yang lain sebagaimana layaknya tafsir al-Quran dengan al-Quran (Muhammad ‘Umar Salim Bazmul, 1993). Qiraat *shadhdhah* pula berperanan sebagai pentafsir kepada ayat al-Quran sebagaimana layaknya tafsir al-Quran dengan hadis Nabi SAW berstatus *ahad* (Abdullah al-Qurashi, 2009; Mustafa Sa’id al-Khin, 2000).
- ii. Merupakan salah satu pendapat ahli tafsir muktabar.
- iii. Disokong oleh pendapat para sahabat Nabi SAW terutamanya yang mashur dalam pentafsiran al-Quran.
- iv. Meraikan kebanyakan daripada perbezaan pendapat.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Perbezaan Qiraat ‘Ashr dalam Ayat

Dalam ayat 106 surah al-Baqarah terdapat banyak perbezaan qiraat dalam kalangan imam sepuluh atau disebut Qiraat ‘Ashr. Namun, perbezaan yang mempunyai potensi untuk memberi kesan kepada makna hanya pada dua perkataan iaitu *نَنْسَخُ* dan *نُنَسِّهَا*. Adapun selainnya adalah hanya perbezaan dari sudut *ada*’ iaitu cara menunaikan bacaan atau dalam istilah ilmu qiraat disebut *usul*.

Oleh itu, perkataan *نَنْسَخُ* dibaca oleh Ibn Zakwan dan Hisham pada salah satu wajahnya dengan dammah huruf nun pertama dan kasrah huruf sin, manakala baki *qurra*’ (termasuk wajah kedua bagi Hisham) membacanya dengan fathah huruf nun dan sin tersebut. Adapun perkataan *نُنَسِّهَا* maka ia dibaca dengan *نَنْسَأُهَا* iaitu fathah huruf nun pertama dan sin berserta menambah huruf hamzah mati di antara sin dan ha oleh Ibn Kathir dan Abu ‘Amr, manakala selain mereka iaitu Nafi’, Ibn ‘Amir, Asim, Hamzah, al-Kisa’I, Abu Ja’far, Ya’qub dan Khalaf ‘Ashir membacanya dengan dammah nun tersebut

dan kasrah huruf sin tanpa sebarang penambahan di antara huruf sin dan ha (Muhammad Salim Muhaisin, 1997; Ibn al-Jazari, 2000).

4.2 Makna Bacaan نَسَخَ

Makna asal bagi perkataan نَسَخَ adalah membatalkan sesuatu. Ada juga yang mengatakan bahawa makna asalnya adalah memindahkan dan mengubah sesuatu (Al-Razi, 1981; Al-Baghawi, 1989; al-Alusi, 1994; Al-Tha'alibi, 1997). Menurut al-Alusi (1994) kedua-dua makna ini boleh digunakan berdasarkan situasi seperti apabila dikatakan نَسَخْتُ الرِّيحَ الْأَثَرَ yang bermaksud “angin itu telah menghilangkan kesan”. Ketika ini makna perkataan adalah “membatalkan atau menghilangkan sesuatu”, namun apabila disebut نَسَخْتُ الْكِتَابَ maka ketika ini bukan bermaksud “aku menghilangkan kitab” tetapi maksudnya “aku menetapkan kandungan kitab tersebut di tempat yang lain” maka makna perkataan نَسَخَ ketika ini adalah memindahkan dan mengubah sesuatu. Al-Baghawi (1989) dan Al-Tha'alibi (1997) menyatakan bahawa makna “membatalkan” adalah yang dikehendaki dalam ayat ini. Ini kerana makna “memindahkan” menurut beliau bererti memindahkan keseluruhan al-Quran daripada Lauh Mahfuz ke dalam mushaf dan ini tidak selari dengan kandungan ayat.

Adapun maknanya pada kedua-dua qiraat yang berbeza itu terdapat beberapa pendapat ulama, iaitu:

- i. Menyatakan kedua-dua qiraat adalah bermakna dengan makna yang sama (Al-Samarqandi, 1993; al-Razi, 1981).
- ii. Menyatakan bahawa makna qiraat Ibn Zakwan dan Hisham adalah menjadikan sesuatu mempunyai *nasakh* (Al-Razi, 1981).
- iii. Menyatakan bahawa makna qiraat Ibn Zakwan dan Hisham adalah menjadikan sesuatu satu naskhah (Al-Tha'alibi, 2015; al-Baghawi, 1989).
- iv. Menyatakan bahawa makna qiraat Ibn Zakwan dan Hisham adalah menjadikan sesuatu daripada perkara yang dimansuhkan (Al-Tha'alibi, 2015; al-Baghawi, 1989).
- v. Menyatakan bahawa makna qiraat Ibn Zakwan dan Hisham adalah “menyuruh untuk memansuhkan” sama ada yang disuruh itu Nabi Muhammad SAW sendiri atau malaikat Jibril (Abu al-Sa'ud al-'Amadi, t.t; al-Zamakhshari, 2009).
- vi. Menyatakan bahawa makna qiraat Ibn Zakwan dan Hisham adalah “kami mendapati ia dimansuhkan” (Abu al-Sa'ud al-'Amadi, t.t; al-Farisi, 1984).

Apapun makna yang dipilih daripada pendapat-pendapat ini mengenai bacaan Ibn Zakwan dan Hisham semuanya kembali kepada menyatakan

penetapan berlaku pemansuhan daripada ayat al-Quran melainkan makna no. iii. Al-Farisi (1984) menyatakan bahawa makna no. iii itu tidak sesuai kerana ia membawa maksud pemindahan al-Quran daripada Luh Mahfuz ke dunia dan ini juga semakna dengan maksud “apa sahaja daripada ayat al-Quran yang kami turunkan”. Ini bererti jika makna ini dibenarkan bermaksud semua ayat al-Quran akan dimansuhkan dan ini mustahil.

4.3 Makna Bacaan نُنْسِيهَا

Bacaan pertama ini adalah daripada *fiil al-mudari' al-thulathi al-mazid* iaitu kata perbuatan yang menunjukkan peristiwa yang sedang berlaku atau akan berlaku (Muhammad Muhyiddin, 2007) serta mempunyai tiga huruf asal dan satu huruf tambahan (Muhammad Fadil al-Samurra'i, 2013). Huruf asalnya adalah nun, sin dan ya iaitu perkataan نَسِيَ, manakala huruf tambahan pula adalah huruf hamzah yang menjadikan perkataan نَسِيَ berubah kepada أَنْسَى (Ismail Hammad al-Jawhari, 1990; Shawqi Daif, 2004; Ibn Manzur, 2003; Al-Zabidi, 1997) dan *fiil al-mudari'* bagi perkataan أَنْسَى ini adalah يُنْسِي.

Huruf tambahan berfungsi sebagai *ta'diyah* iaitu menjadikan *fiil* ini memerlukan *maf'ul* yang kedua selepas sebelum penambahan hanya memerlukan satu *maf'ul* (Makki Abi Talib al-Qaisi, 1974; al-Farisi, 1984). Huruf nun pada firman Allah Taala نُنْسِيهَا pula adalah huruf *mudara'ah* yang menunjukkan bahawa dalam *fiil* ini terdapat ganti nama tersembunyi (*damir mustatir*) yang merujuk kepada “kami”.

Dari sudut makna pula, perkataan نَسِيَ boleh diterjemah dengan dua makna iaitu “lupa” dan juga “meninggalkan” (Ismail Hammad al-Jawhari, 1990; Shawqi Daif, 2004; Ibn Manzur, 2003; Al-Zabidi, 2001). Menurut Shawqi Daif (2004) perkataan نَسِيَ memberi maksud perbuatan meninggalkan sesuatu kerana lupa dan lalai atau boleh juga kerana sengaja. Menurut beliau juga, apabila perkataan ini dimasuki huruf hamzah sebagai huruf tambahan di awalnya maka ia memberi maksud perbuatan mendorong seseorang meninggalkan sesuatu atau melupakan sesuatu. Menurut Ibn Manzur (2003) asal pada makna perkataan نَسِيَ adalah lupa, namun disebabkan “lupa” itu menjadikan suatu perkara itu ditinggalkan maka perkataan ini digunakan juga untuk menunjukkan perbuatan “meninggalkan”. Dalam kitab *Taj al-'Arus* menyatakan bahawa pentafsiran perkataan نَسِيَ dengan “meninggalkan” adalah secara kiasan (*majaz*) sahaja bukan hakikat iaitu termasuk dalam kaedah إطلاق المألوم وإرادة اللازم yang bermaksud menggunakan perkataan tertentu tetapi yang dikehendaki bukan maksud asal perkataan tersebut tetapi maksud yang dibawa oleh kelazimannya (Al-Zabidi, 2001).

Dalam konteks ayat 106 surah al-Baqarah ini, makna “lupa” itu diterjemahkan dengan “kami melupakan kamu (Nabi Muhammad) akan ia (ayat al-Quran)”. Frasa “kamu” dalam terjemahan ini walaupun tidak disebut secara zahir dalam teks ayat al-Quran kerana jika ia dizahirkan maka ayat

tersebut akan berbunyi “تَنْسِيْهَا”, namun ia difahami melalui beberapa qiraat *shadhdhah* seperti qiraat Sa’ad bin Abi Waqqas yang berbunyi “تَنْسَهَا” kerana qiraat ini membawa maksud “kamu melupakannya” atau seperti qiraat Ubay bin Kaab yang berbunyi “تَنْسِيْكَ” kerana qiraat ini membawa maksud “kami melupakanmu” atau seperti qiraat Salim Maula Huzaifah yang berbunyi “تَنْسِيْهَا” yang membawa maksud “kami melupakan kamu akan ia” (Muhammad al-Nawzawazi, 2018). Semua qiraat *shadhdhah* ini menunjukkan bahawa terdapat *damir* (ganti nama) yang dibuang daripada perkataan تَنْسِيْهَا iaitu *damir* kaf yang bermaksud “kamu” iaitu merujuk kepada Nabi Muhammad SAW.

Menurut al-Razi (1981) dan al-Tha’labi (2015) perkataan تَنْسِيْهَا dengan makna “lupa” adalah pilihan ramai ulama tafsir, tanpa menafikan bahawa terdapat ulama tafsir yang memilih makna “meninggalkan” seperti al-Tabari (2001), al-Samarqandi (1993) dan selain mereka. Selain itu, penulis mendapati bahawa menterjemahkan تَنْسِيْهَا dengan “kami melupakan kamu (Nabi Muhammad) akan ia (ayat al-Quran)” iaitu dengan menggunakan frasa “kamu” sebagai *maf’ul* pertama adalah lebih dekat dengan pilihan ramai ulama tafsir. Kata al-Farisi (1984) “*Maf’ul* yang dibuang dalam bacaan تَنْسِيْهَا telah dijelaskan oleh bacaan “تَنْسِيْكَهَا” (ms. 195) iaitu *damir* kaf yang bermaksud “kamu”. Walaupun begitu, terdapat juga yang menzahirkan *maf’ul* tersebut seperti al-Tha’labi (2015) kerana menurutnya perkataan تَنْسِيْهَا bermaksud “Kami melupakan Nabi kami akan ia”. Bahkan, ada yang menjadikan *maf’ul bih* itu adalah umum kepada manusia iaitu “Kami melupakan manusia akan ia” seperti Ibn ‘Ashur (1984).

Perbezaan pada *maf’ul bih* ini pada hakikatnya hanya perbezaan pada lafaz yang tidak membawa kepada perbezaan maksud. Ini ditegaskan sendiri oleh Ibn ‘Ashur (1984) yang telah mentafsirkan *maf’ul bih* itu dengan frasa yang umum dengan menyatakan bahawa kelupaan manusia atau para sahabat itu adalah disebabkan oleh arahan Rasulullah S.A.W kepada mereka untuk tidak membaca ayat tertentu sehingga membawa kepada kelupaan akan ayat tersebut.

Manakala, makna “meninggalkan” dalam konteks ayat ini pula boleh diterjemahkan dengan “kami meninggalkannya (ayat al-Quran)” atau dengan “kami menyuruh kamu (Nabi Muhammad SAW) meninggalkannya (ayat al-Quran)”. Terjemahan pertama adalah berdasarkan tafsiran ulama *tawjih qiraat* seperti al-Farisi (1984), Muhammad Salim Muhaisin (1997), Ibn Abi Maryam (1993), Abu Zur’ah (1997), Ibn Khalawaih (1979) dan Muhammad Salim Muhaisin (1988). Sebagaimana ia juga berdasarkan tafsiran ulama tafsir seperti al-Tabari (2001), al-Samarqandi (1993), al-Tha’labi (2015), Ibn ‘Atiyyah al-Andalusi (2001), Al-Khazin (2004), Abu Hayyan al-Andalusi (2010) dan Al-Qurtubi (2006). Manakala, terjemahan kedua pula adalah berdasarkan tafsiran ulama *tawjih qiraat* seperti al-Nuwairi (2003), Ibn Abi Maryam (1993), Abu Zur’ah (1997) dan Abu Shamah al-Dimashqi (t.t).

Sebagaimana ia juga berdasarkan tafsiran ulama tafsir seperti al-Tha'labi (2015), Al-Baghawi (1989), Al-Khazin (2004), Abu Hayyan al-Andalusi (2010) dan Al-Qurtubi (2006).

4.4 Kritikan Terhadap Makna “lupa” dan “meninggalkan” Serta Dalil Yang Menguatkan Makna Tersebut

Terdapat beberapa kritikan terhadap makna “lupa” dan “meninggalkan”. Adapun kritikan terhadap makna “lupa” adalah kerana kemustahilan sifat melupakan ayat al-Quran kepada diri seorang Nabi. Mereka berhujah dengan firman Allah Taala (al-Tabari, 2001):

وَلَيْنَ شِئْنَا لَنَذْهَبَنَّ بِالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ ثُمَّ لَا تَجِدُ لَكَ بِهِ عَلَيْنَا وَكِيلًا ﴿٨١﴾

Terjemahan: Dan sesungguhnya jika Kami kehendaki, tentulah Kami akan hapuskan apa yang Kami telah wahyukan kepadamu, kemudian engkau tidak akan beroleh sebarang pembela terhadap Kami untuk mengembalikannya (al-Isra', 17: 86).

Menurut mereka ayat ini menunjukkan bahawa Allah Taala tidak pernah melupakan NabiNya akan segala ilmu yang Dia pernah wahyukan. Imam al-Tabari (2001) menjawab kritikan ini dengan memetik beberapa riwayat yang menunjukkan bahawa terdapat ayat-ayat yang pernah diturunkan kemudian diangkat. Antaranya apa yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik:

أَنَّهُمْ قَرَأُوا بِهِمْ قُرْآنًا: أَلَا بَلَّغُوا عَنَّا قَوْمَنَا بِأَنَّا قَدْ لَقِينَا رَبَّنَا فَرَضِي عَنَّا وَأَرْضَانَا ثُمَّ رَفَعَ ذَلِكَ بَعْدَ.

Terjemahan: Bahawasanya mereka (para sahabat) telah membaca satu ayat al-Quran berkenaan mereka (para syuhada dalam serangan telaga Ma'unah) (yang berbunyi): أَلَا بَلَّغُوا عَنَّا قَوْمَنَا بِأَنَّا قَدْ لَقِينَا رَبَّنَا فَرَضِي عَنَّا وَأَرْضَانَا, kemudian selepas itu ayat ini diangkat (dimansuhkan). [*Sahih Bukhari*, no. hadith: 3064].

Begitu juga apa yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam sahihnya daripada kata-kata Abu Musa al-Ash'ariy kepada para *qurra* (ahli al-Quran) di Basrah:

وَإِنَّا كُنَّا نَقْرَأُ سُورَةَ كُنَّا نَشْبِهُهَا فِي الطُّوْلِ وَالشَّدَةِ بِرَاءَةِ فَأَنْسِيْتُهَا غَيْرَ أَنِّي قَدْ حَفِظْتُ مِنْهَا: لَوْ كَانَ لِابْنِ آدَمَ وَادِيَانِ مِنْ مَالٍ لَا يَتَعَيَّ وَادِيًا ثَالِثًا وَلَا يَمْلَأُ جَوْفَ ابْنِ آدَمَ إِلَّا التُّرَابُ وَكُنَّا نَقْرَأُ

سورة كنا نشبهها بإحدى المسبحات فأنسيته غير أني حفظت منها: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ فُتُكْتُبُ شَهَادَةً فِي أَعْنَاقِكُمْ فَتُسْأَلُونَ عَنْهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Terjemahan: Kami dahulu pernah membaca satu surah yang kami samakan ia dengan surah Baraah (surah al-Tawbah) dari sudut kepanjangan dan kepayahannya, namun aku telah dilupakan melainkan (satu ayat) yang masih aku ingat iaitu: لَوْ كَانَ لِابْنِ آدَمَ وَادِيَانِ مِنْ مَالٍ لَا يَبْتَغَى وَادِيًا ثَالِثًا وَلَا يَمْلَأُ جُوفَ ابْنِ آدَمَ إِلَّا التُّرَابُ. Kami juga dahulu pernah membaca satu surah yang kami samakan ia dengan salah satu daripada musabbihat (surah-surah yang dimulai dengan tasbih), namun aku juga dilupakan melainkan aku masih ingat (sedikit) daripadanya iaitu: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ فُتُكْتُبُ شَهَادَةً فِي أَعْنَاقِكُمْ فَتُسْأَلُونَ عَنْهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ. [Sahih Muslim, no. hadith: 1050].

Adapun firman Allah Taala yang menjadi hujah golongan yang mengkritik, maka jawab Imam al-Tabari (2001) bahawa firman tersebut bukan menceritakan bahawa Allah Taala tidak akan menghilangkan langsung ilmu yang telah diwahyukan, tetapi ia menceritakan bahawa jika Allah Taala kehendaki maka Dia boleh menghilangkan semuanya, namun Allah Taala tidak berbuat demikian. Allah Taala hanya menghilangkan apa yang tidak diperlukan oleh manusia. Sebab itu Allah Taala telah berfirman dalam surah al-A'la yang berbunyi:

سَنُقْرِئُكَ فَلَا تَنْسَى ۖ إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ إِنَّهُ يَعْلَمُ الْجَهْرَ وَمَا يَخْفَى ۖ

Terjemahan: Kami sentiasa menjadikan engkau (wahai Muhammad) dapat membaca (Al-Quran yang diturunkan kepadamu - dengan perantaraan Jibrail), sehingga engkau (menghafaznya dan) tidak lupa (6) Kecuali apa yang dikehendaki Allah engkau lupakan; sesungguhnya Ia mengetahui (segala keadaan yang patut berlaku), dan yang tersembunyi. (al-A'la, 87: 6-7).

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah Taala tidak akan membenarkan Nabi SAW melupakan apa yang telah diwahyukan kepada Baginda SAW melainkan apa yang dikehendaki oleh Allah Taala sendiri sahaja (al-Tabari, 2001). Dan apa yang tidak diperlukan oleh manusia itu adalah termasuk dalam kategori apa yang dikehendaki hilang oleh Allah Taala. Al-Farisi (1984) juga memberikan jawapan yang sama dengan Imam al-Tabari terhadap firman Allah Taala yang dijadikan dalil oleh pengkritik ini. Katanya bahawa ayat tersebut merujuk kepada perkara yang tidak dimansuhkan (*nasakh*) oleh Allah Taala, adapun perkara yang dimansuhkan maka harus lupa kepada Nabi SAW dengan diangkat tulisan dan bacaannya sekali.

Antara dalil lain yang menjadi penguat kepada makna “lupa” ini adalah kewujudan qiraat *shadhdhah* seperti qiraat Saad bin Abi Waqqas, qiraat Ubay bin Kaab dan qiraat Salim Maula Huzaifah sebagaimana yang telah disebutkan di atas. Selain qiraat ini, terdapat juga qiraat *shadhdhah* lain yang turut menjadi penguat kepada makna lupa iaitu qiraat Ibn Mas’ud “مائنسك من آية أو” “تَنسَخُهَا” dan qiraat al-Dahhak bin Muzahim “تَنسَهَا”. Kata al-Farisi (1984) “Semua (qiraat) ini mengukuhkan pendapat yang mengatakan bahawa bacaan تَنسَهَا adalah daripada makna “lupa””. Mengikut Makki Abi Talib al-Qaisi (1974), bacaan Ibn Mas’ud dan al-Dahhak tidak boleh dibawa kepada makna selain “lupa”. Begitu juga turut menjadi penyokong ialah qiraat al-Hasan, Sa’ad bin Abi Waqqas, dan Yahya bin Ya’mur iaitu “أَوْ تَنسَهَا” (Abdul Fattah al-Qadi, 1981; Ibn Jinni, 1994) yang menurut Abdul Fattah Al-Qadi (1981) ia bermakna “Kamu melupakannya”. Selain itu, qiraat yang diriwayatkan oleh Abu Raja’ iaitu تَنسَهَا juga turut menguatkan makna “lupa” ini kerana menurut Ibn Jinni (1994) ia daripada makna “Lupa”.

Selain itu, makna “lupa” ini juga turut disokong oleh binaan kalimah تَنسَى itu sendiri kerana perkataan تَنسَى apabila dibina di atas *wazan* (neraca huruf dalam suatu perkataan Arab) أَفْعَلَ maka ia tidak boleh difahami dengan makna “meninggalkan”, makna “meninggalkan” hanya boleh dipakai apabila ia dibina di atas *wazan* فَعَلَ (Makki Abi Talib al-Qaisi, 1974).

Adapun kritikan terhadap makna “meninggalkan” maka ia datang dalam beberapa peringkat:

- i. Menafikan sepenuhnya perkataan أَنْسَى dibawa atas makna “meninggalkan”. Ini adalah pendapat Makki Abi Talib al-Qaisi (1974).
- ii. Menafikan makna “meninggalkan” sekiranya ia secara langsung kepada objek yang ditinggalkan itu. Seperti menterjemahkan perkataan تَنسَهَا dengan “kami meninggalkannya”. Peringkat ini membolehkan terjemahan secara tidak langsung seperti “menyuruh Nabi Muhammad meninggalkannya” atau “mendorong Baginda meninggalkannya” dan seumpamanya. Ini adalah pendapat al-Zajjaj (1988), Ibn Manzur (2003) dan Abu Shamah al-Dimashqi (t.t). Pendapat ini turut dikuatkan oleh al-Azhariy (2001) dengan berdalilkan satu syair daripada Ibn al-A’rabi yang berbunyi:

إِنْ عَلِيَّ عَقَبَةً أَفْضِيهَا لَسْتُ بِنَاسِيهَا وَلَا مَنَسِيهَا

Dalam syair ini Ibn al-A’rabi memaksudkan perkataan نَاسِيهَا dengan makna “meninggalkan”, manakala perkataan مَنَسِيهَا dengan makna “mengakhirkan”. Ini menunjukkan beliau tidak

memungkinkan perkataan daripada rumpun *أنسى* untuk dibawa atas makna meninggalkan sesuatu secara langsung. Selain itu, penulis mendapati perkara ini turut dikuatkan dalam *Mu'jam al-Wasit* kerana di dalamnya perkataan daripada rumpun ini diertikan dengan makna “mendorong sesuatu untuk meninggalkan atau melupakan” (Shawqi Daif, 2004) yang menunjukkan ia tidak secara langsung.

Antara jawapan bagi kritikan ini adalah tafsiran Ibn Abbas terhadap bacaan *نَسِيَهَا*. Al-Tabari (2001) menukikan kata-kata Ibn Abbas tentang bacaan ini melalui riwayat Ali bin Abi Talhah bahawa beliau mentafsirkannya dengan “Kami meninggalkannya tanpa kami menukarkannya” (j. 2, ms. 393). Menurut riwayat Abi Salih sebagaimana dinukilkan oleh al-Samarqandi (1993) dan al-Khazin (2004) pula bahawa beliau mentafsirkannya dengan “Kami membiarkannya tanpa dimansuhkan” (j. 1, ms. 146). Kata al-Tha’labi (2015) “Seolah-olah beliau (Ibn Abbas) menjadikan *أنسى* dan *نسي* adalah satu makna” (j. 14, ms. 17). Ini menunjukkan Ibn Abbas sendiri mentafsirkan perkataan *نَسِيَهَا* dengan meninggalkan sesuatu secara langsung, sebagaimana ia menunjukkan bahawa bagi Ibn Abbas perkataan *أنسى* dan *نسي* adalah satu makna.

Walaupun demikian, al-Qurtubi (2006) menyatakan bahawa kemungkinan nukilan kata-kata Ibn Abbas oleh Ali bin Abi Talhah itu tidak tepat dalam periwayatan baris kerana beliau meriwayatkan bahawa Ibn Abbas berkata “*تَنَزَّكَهَا لَا نَبْدِلُهَا*” sedangkan yang sebenarnya Ibn Abbas berkata “*تَنَزَّكَهَا*” iaitu perbezaan pada baris nun dan ra. Sekiranya benar dakwaan al-Qurtubi tersebut maka beliau juga telah mentafsirkan “Meninggalkan” tidak secara langsung tetapi ia seperti tafsiran kedua iaitu menyuruh atau mendorong seseorang untuk meninggalkan. Namun, kata-kata Ibn Abbas tersebut bukan hanya diriwayatkan oleh Ibn Abi Talhah tetapi juga oleh Abi Salih dan periwayatan beliau menyebut “*تَنَزَّكَهَا*”. Selain itu, pentafsiran dengan “*تَنَزَّكَهَا*” bukan dinukilkan daripada Ibn Abbas tetapi juga daripada al-Suddi sebagaimana disebut oleh al-Tabari (2001).

Al-Samarqandi (1993) juga dilihat turut menyamakan perkataan *أنسى* dan *نسي* kerana beliau menyamakan makna bacaan *نَسِيَهَا* dengan *نَسِي* pada firman Allah Taala “*تَسُواْ اللّٰهَ فَتَسِيْهُمُ*” (al-Tawbah: 67). Turut menjadi penguat dan penyokong kepada kesamaan ini apabila wujudnya satu qiraat *shadhdhah* yang disandarkan kepada Mujahid dengan bacaan “*تَنَسَّيَهَا*” (al-Tha’labi, 2015). Turut menyebut tentang qiraat ini oleh Ibn ‘Atiyyah al-Andalusiyy (2001), tetapi beliau menambah bahawa “Aku berpendapat bahawa ia satu *waham* (kekeliruan)” (j. 1, ms. 192). Bacaan ini dari sudut binaan kalimahnyanya adalah daripada perkataan *نَسِي* yang boleh membawa kepada maksud “kami meninggalkannya”. Menurut al-Tha’labi (2015), bacaan Mujahid itu bermaksud “Kami meninggalkannya”.

Apa yang boleh disimpulkan daripada perbincangan di atas adalah bahawa bacaan نَسِيَهَا boleh diterjemahkan kepada tiga terjemahan:

- i. “Kami melupakan kamu (Nabi Muhammad S.A.W) akan ia (ayat al-Quran)”.
- ii. “Kami meninggalkannya (ayat al-Quran)”
- iii. “Kami menyuruh atau mendorong kamu (Nabi Muhammad S.A.W) untuk meninggalkannya”.

4.5 Makna Bacaan نَسَاَهَا

Bacaan نَسَاَهَا adalah daripada perkataan نَسَاَ yang bermaksud “Menangguhkan sesuatu”. Ia adalah perkataan *Thulathi Mujarrad* yang bersifat *muta’addi* iaitu memerlukan kepada *maf’ul bih*. Huruf nun di awal perkataan نَسَاَهَا pula adalah huruf *mudara’ah* yang menunjukkan bahawa *fiil mudari’* ini mengandungi *damir mustatir* (ganti nama tersembunyi) iaitu نحن atau “Kami”. Sementara ها pula adalah *damir* (ganti nama) yang bermaksud “Dia” merujuk kepada perkataan مَا نَسَخَ مِنْ آيَةٍ pada firman Allah Taala sebelumnya.

Penulis mendapati bahawa maksud “Menangguhkan sesuatu” ini adalah pendirian semua ulama kerana tidak dijumpai perbezaan pendapat padanya sama ada dalam kalangan ulama *tawjih qiraat* atau tafsir walaupun pada perkataan نَسَاَ masih terdapat maksud lain iaitu “Menegah sesuatu” (Al-Zabidi, 1965). Justeru itu, dalam konteks ayat 106 surah al-Baqarah ini bacaan نَسَاَهَا boleh diterjemahkan dengan “Kami menangguhkannya”.

Pendirian semua ulama yang dimaksudkan tersebut ialah al-Farisi (1984), Makki Abi Talib al-Qaisi (1974), Muhammad Salim Muhaisin (1997), Ibn Abi Maryam (1993), Abu Zur’ah (1997), Ibn Khalawaih (1979), Muhammad Salim Muhaisin (1988), al-Nuwairi (2003), Abu Shamah al-Dimashqi (t.t), Ibn al-Jazari (2000), Ibn Kathir (2000), al-Razi (1981), al-Tabari (2001), al-Samarqandi (1993), al-Tha’labi (2015), Ibn ‘Atiyyah al-Andalusi (2001), Al-Tha’alibi (1997), al-Baidawi (1998), al-Nasafi (1998), Abu al-Sa’ud al-‘Amadi (t.t), Al-Khazin (2004), al-Alusi (1994), Abu Hayyan al-Andalusi (2010), Al-Baghawi (1409H), al-Suyuti (2000), al-Zamakhshari (2009) dan Al-Qurtubi (2006).

4.6 Pentafsiran frasa “نَسَخَ”

Para ulama berbeza pendapat dalam mentafsirkan frasa ini kepada beberapa tafsiran seperti berikut:

- i. Pemansuhan hukum sahaja sementara bacaan dikekalkan (al-Razi, 1981).

- ii. Penukaran hukum sahaja atau bacaan sahaja atau kedua-duanya sekali (al-Razi, 1981).
- iii. Apa yang diangkat balik setelah diturunkan (al-Razi, 1981).
- iv. Pemansuhan hukum dan bacaan (al-Razi, 1981).
- v. Pemansuhan hukum sahaja atau bacaan sahaja atau kedua-duanya sekali (al-Alusi, 1994; Abu al-Sa'ud al-'Amadi, t.t; Abu Hayyan al-Andalusi, 2010).

4.7 *Pentafsiran Bacaan* نُنْسِيهَا

Kesimpulan perbincangan sebelum ini menunjukkan bahawa bacaan نُنْسِيهَا mempunyai tiga makna iaitu “Kami melupakan kamu (Nabi Muhammad S.A.W) akan ia (ayat al-Quran)” atau “Kami meninggalkannya (ayat al-Quran)” atau “Kami menyuruh atau mendorong kamu (Nabi Muhammad S.A.W) untuk meninggalkannya (ayat)”.

Tiga terjemahan tersebut perlu kepada pentafsiran maksudnya. Adapun terjemahan pertama, maka padanya terdapat beberapa pentafsiran iaitu:

- i. Ayat al-Quran diangkat bacaan dan tulisannya. Ini adalah pendapat al-Farisi (1984).
- ii. Ayat al-Quran diangkat daripada dada para penghafaz al-Quran. Ini adalah pendapat al-Nuwairi (2003), Ibn Abi Maryam (1993) kerana beliau menjadikan *damir jama'* iaitu كمْ sebagai *maf'ul bih*, al-Nasafi (1998), al-Suyuti (2011),
- iii. Ayat al-Quran diangkat daripada dada Nabi S.A.W kerana ingin dimansuhkan bacaannya. Ini pendapat Muhammad 'Umar Salim Bazmul (1993), Ibn 'Atiyyah al-Andalusi (2001), al-Baidawi (1998) dan al-Suyuti (2000).
- iv. Ayat al-Quran dimansuhkan tanpa sebarang penggantian. Ini adalah pendapat Abu al-Sa'ud al-'Amadi (t.t).
- v. Ayat al-Quran dimansuhkan hukum serta bacaannya. Ini pendapat al-Razi (1981). Menurut beliau, kelupaan ini berlaku kerana Allah Taala menyuruh mereka mengeluarkan suatu ayat daripada kandungan al-Quran menyebabkan ia tidak dibaca dan tidak dijadikan hujah dengannya. Dalam jangka masa yang lama ayat ini akan dilupakan. Jika ada yang masih mengingatnya sekalipun, periwayatannya telah menjadi riwayat *ahad* (tunggal). Mungkin juga Allah Taala melupakan semua yang pernah mengingatnya dengan cara mukjizat (al-Razi, 1981).
- vi. Dijauhkan daripada fikiran sehingga tidak diingati lafaz dan maknanya. Ini disebut oleh al-Alusi (1994).

Terjemahan kedua dan ketiga walaupun berbeza pada zahirnya tetapi inti patinya adalah sama kerana apabila Allah Taala memberitahu bahawa Dia meninggalkannya maka itu juga bererti Dia mengarahkan atau mendorong rasulNya iaitu Nabi Muhammad S.A.W untuk meninggalkannya. Persoalannya, apakah pentafsiran yang sepatutnya bagi frasa “meninggalkan” itu. Maka didapati terdapat beberapa pentafsiran oleh para ulama, iaitu:

- i. Ayat itu dibiarkan dan ditetapkan tanpa sebarang pemansuhan dan pertukaran. Ini pendapat Muhammad Ahmad al-Qurtubi (2006), al-Khazin (2004), al-Razi (1981), al-Samarqandi (1993), al-Tabari (2001), Ibn Khalawaih (1979), Muhammad Salim Muhaisin (1997) dan juga disebut oleh Ibn ‘Atiyyah al-Andalusi (2001).
- ii. Ayat itu ditinggalkan penurunannya di Luh Mahfuz iaitu ia tidak diturunkan. Ini pendapat al-Dahhak (Abu Hayyan al-Andalusi, 2010) dan disebut juga oleh Ibn ‘Atiyyah al-Andalusi (2001), al-Baghawi (1989).
- iii. Ayat itu dipadamkan lafaz dan hukumnya. Ini pendapat Ibn Zaid (Abu Hayyan al-Andalusi, 2010),
- iv. Ayat itu ditinggalkan dalam al-Quran untuk dibaca tetapi hukumnya diangkat. Ini disebut oleh al-Razi (1981), Ibn ‘Atiyyah al-Andalusi (2001) dan pendapat al-Zajjaj (1988).
- v. Ayat itu ditinggalkan hukum walaupun lafaznya telah diangkat dan tidak dibaca sebagai al-Quran. Ini disebut oleh Ibn ‘Atiyyah al-Andalusi (2001), al-Baghawi (1989)
- vi. Ayat itu dimansuhkan tanpa sebarang penggantian. Ini pendapat al-Baghawi (1989).
- vii. Ayat itu ditinggalkan hukum (tidak diamalkan) atau bacaannya (tidak dibaca sebagai al-Quran. Ini pendapat Abu Shamah al-Dimashqi (t.t).

4.8 Pentafsiran Bacaan *نَسَّأَهَا*

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini bahawa bacaan *نَسَّأَهَا* memberi makna “Kami menangguhkannya”. Makna ini boleh difahami dengan pelbagai pentafsiran sebagaimana yang telah dibahaskan oleh para ulama, antaranya:

- i. Ditangguhkan penurunannya daripada Luh Mahfuz. Justeru ia tidak diturunkan sama sekali, tidak diketahui, tidak diamalkan dan tidak dibaca. Ini disebut oleh al-Farisi (1984), Makki Abi Talib al-Qaisi (1974), Ibn ‘Atiyyah al-Andalusi (2001), Al-Razi (1981), al-Tha’labi (2015), Al-Khazin (2004) dan al-Alusi (1994).
- ii. Dimansuhkan bacaan dan amalannya. Ini disebut oleh al-Farisi (1984), Makki Abi Talib al-Qaisi (1974) dan Abu al-Sa’ud al-‘Amadi (t.t),

- iii. Dimansuhkan amalan tetapi ditetapkan bacaan. Ini disebut oleh al-Farisi (1984), Makki Abi Talib al-Qaisi (1974) dan Ibn ‘Atiyyah al-Andalusiy (2001),
- iv. Dimansuhkan bacaan tetapi ditetapkan amalan. Ini disebut oleh Makki Abi Talib al-Qaisi (1974), Ibn ‘Atiyyah al-Andalusiy (2001) dan Al-Khazin (2004)
- v. Dikekalkan dalam al-Quran tanpa pemansuhan. Ini pendapat Abu Zur’ah (1997). Ia seperti kata ‘Ata’ bin Yasar iaitu ditanggihkan pemansuhannya dalam erti kata ditinggalkan dalam al-Quran dan tidak berlaku *nasakh* (Muhammad Salim Muhaisin, 1988). Ia juga disebut oleh al-Tabari (2001), Ibn ‘Atiyyah al-Andalusiy (2001), al-Tha’labi (2015), Abu al-Sa’ud al-‘Amadi (t.t), Muhammad Ahmad al-Qurtubi (2006) dan Ibn Kathir (2000).
- vi. Ditanggihkan penurunannya sehingga waktu yang sesuai dan lebih baik untuk manusia. Ini pendapat Abu Shamah al-Dimashqi (t.t) dan disebut juga oleh Abu al-Sa’ud al-‘Amadi (t.t).
- vii. Ditanggihkan pemansuhan ke waktu tertentu yang lebih baik dan utama. Ini pendapat Ibn al-Jazari (2000) dan disebut juga oleh Muhammad Salim Muhaisin (1988) serta al-Qurtubi (2006).
- viii. Ditanggihkan dengan maksud dijauhkan daripada fikiran sehingga tidak diingati lafaz dan maknanya. Ini disebut oleh al-Alusi (1994).
- ix. Ditanggihkan bacaan dan amalan, tetapi kehendak sebenar adalah membatalkan bacaan dan amalannya. Maka, frasa “penangguhan” itu hanya sebagai kiasan kepada pembatalan. Ini pendapat Ibn ‘Ashur (1984).
- x. Dihilangkan tanpa penggantian. Ini pendapat al-Zamakhshari (2009).

4.9 Pentafsiran Yang Paling Tepat (Arjah)

Penulis berpandangan bahawa makna yang paling tepat bagi bacaan *نَسِيَهَا* adalah “Melupakan” sama ada dengan menjadikan *maf’ul bih* ialah *damir* kaf yang bererti “Kamu” atau menzahirkan *maf’ul bih* tersebut. Namun, menjadikan *damir* kaf sebagai *maf’ul bih* adalah lebih baik kerana sokongan daripada beberapa *qiraat shadhdhah* yang lain.

Pilihan ini adalah berdasarkan kepada beberapa justifikasi, antaranya makna asal pada perkataan *نَسِيَ* adalah “Lupa”, manakala makna “Meninggalkan” itu adalah *majaz* atau kiasan sahaja sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Zabidi (2001) dan Ibn Manzur (2003). Selain itu, memilih makna “Melupakan” juga dapat meraikan semua kategori *nasakh* dalam syariat Islam dan juga memberitahu bahawa terdapat ayat-ayat al-Quran yang dilupakan.

Berdasarkan pilihan ini maka pentafsiran yang dipilih oleh penulis terhadap frasa “مَا نَنْسَخُ مِنْ آيَةٍ” adalah merangkumi semua kategori *nasakh* yang

berlaku dalam al-Quran iaitu pemansuhan ayat berserta hukum atau pemansuhan ayat sahaja atau pemansuhan hukum sahaja, manakala firman Allah Taala “أَوْ نُنسِهَا” adalah menyentuh ayat-ayat yang pernah dibaca oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat lalu dilupakan oleh Allah Taala. Perkara ini sebagaimana yang diperakui oleh hadis Abu Musa al-Ash’ari yang diriwayatkan oleh Imam Muslim sebelum ini yang menjelaskan bahawa generasi para sahabat pernah menghafal satu surah yang menyamai surah-surah yang dimulai dengan tasbih namun telah melupainya (*Sahih Muslim*, no. hadith: 1050).

Pandangan penulis ini adalah menyamai pandangan Ibn ‘Atiyyah al-Andalusi (2001) dan Muhammad ‘Umar Salim Bazmul (1993), Abu al-Sa’ud al-‘Amadi (t.t) dan turut diperakui oleh al-Alusi (1994). Kata Ibn ‘Atiyyah al-Andalusi (2001) “Makna ayat (jika ditafsirkan dengan makna “lupa”) ialah apa yang kami *nasakh* daripada ayat atau kami takdirkan kamu melupainya sehingga terangkat semuanya dan hilang” (j. 1, ms. 193). Maka, frasa “Apa yang kami *nasakh*” adalah umum kepada semua jenis *nasakh*, manakala aspek melupakan ayat merupakan aspek tambahan yang Allah Taala ingin jelaskan dalam ayat ini.

Adapun bacaan نُنسِهَا, maka pentafsiran yang paling tepat adalah pentafsiran yang kelima iaitu ayat al-Quran dikekalkan tanpa pemansuhan. Ia kerana struktur ayat yang dimulai dengan “Apa yang kami *nasakh* daripada ayat” kemudian diikuti dengan “Atau kami menanggukannya”, maka frasa “Menanggukannya (ayat)” ini difahami terdapat padanya perkataan yang dibuang (*mahzuf*) iaitu sama ada *nasakh* (pemansuhan) atau *nuzul* (penurunan). Oleh kerana perkataan yang paling hampir dan disebut secara zahir pada ayat ini ialah perkataan *nasakh*, maka perkataan *nasakh* yang lebih tepat untuk dijadikan sebagai perkataan yang dibuang tersebut berbanding perkataan *nuzul* yang hanya berupa andaian (*taqdiri*) dan tidak zahir. Selain itu, ia juga dilihat senada dengan pentafsiran Ibn Abbas terhadap perkataan نُنسِهَا yang ditafsirkan beliau dengan ayat al-Quran itu dikekalkan dalam mashaf dan tidak dimansuhkan walaupun pentafsiran tersebut pada bacaan yang lain.

Pilihan penulis ini adalah sejajar dengan apa yang dipilih oleh Imam al-Tabari (2001). Beliau menyatakan bahawa dalam ayat ini Allah Taala memberitahu Nabi Muhammad S.A.W bahawa sama ada Dia menukarkan hukum atau tidak sama sahaja keadaannya kerana Dia akan mendatangkan yang sama atau lebih baik daripada itu. Menurut beliau (al-Tabari, 2001) pentafsiran ini meraikan semua makna yang terkandung dalam kedua-dua bacaan kerana di sisi beliau bacaan نُنسِهَا adalah dengan makna “Meninggalkan” sebagaimana tafsiran Ibn Abbas.

Kesimpulannya, berdasarkan kepada pilihan pentafsiran ini maka terjemahan ayat al-Quran bagi bacaan نُنسِهَا adalah “*Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansuhkan (batalkan), atau yang Kami melupakan kamu akan ia, Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang*

sebanding dengannya. Tidakkah engkau mengetahui bahawasanya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu?”. Manakala, bagi bacaan *نَسَّاهَا* pula terjemahannya adalah “*Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansuhkan (batalkan), atau yang Kami tangguhkan (pemansuhan tersebut), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya (yang dimansuhkan), atau yang sebanding dengannya. Tidakkah engkau mengetahui bahawasanya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu?”*”.

4.10 Perbezaan Qiraat ‘Ashr dan Penetapan Konsep Nasakh dan Mansukh

Berdasarkan kepada *tarjih* (pilihan paling tepat) yang telah ditentukan oleh penulis, maka boleh disimpulkan bahawa perkataan *نَسَخَ* dan *نَسِيَهَا* dalam ayat 106 surah al-Baqarah ini menunjukkan perkara-perkara berikut:

- i. Perbezaan qiraat pada perkataan *نَسَخَ* tidak memberi pengaruh perbezaan kepada pentafsiran. Namun, sebagaimana yang telah diterangkan bahawa para ulama mengutarakan pelbagai pentafsiran padanya bukan kerana pengaruh qiraat tetapi kerana perbezaan pentafsiran yang terbit daripada lafaz *نَسَخَ* itu sendiri. Pentafsiran yang terpilih di sisi penulis adalah pentafsiran yang dikemukakan oleh al-Alusi (1994), Abu al-Sa’ud al-‘Amadi (t.t) dan Abu Hayyan al-Andalusi (2010) iaitu ia merujuk kepada pemansuhan ayat berserta hukum, atau ayat sahaja atau hukum sahaja.
- ii. Perbezaan qiraat pada perkataan *نَسِيَهَا* memberi pengaruh besar kepada pentafsiran. Bacaan majoriti iaitu *نَسِيَهَا* memberi isyarat kepada kewujudan ayat-ayat yang dilupakan oleh Allah Taala daripada ingatan Baginda SAW dan juga para sahabat selepas ia diturunkan, sementara bacaan Ibn Kathir dan Abu ‘Amr pula berperanan menegaskan bahawa segala sesuatu yang dimansuhkan oleh Allah Taala tidak sia-sia tetapi ia digantikan dengan yang lebih baik daripadanya atau sekurang-kurangnya sama.

Justifikasi kepada pemilihan pentafsiran di atas selain daripada hujah yang telah dikemukakan sebelum ini adalah ia dapat meraikan semua Qiraat ‘Ashr yang mutawattir serta riwayat-riwayat sahih yang menceritakan bentuk-bentuk pemansuhan al-Quran yang telah berlaku secara realiti sebagaimana yang telah didatangkan dalam subtopik 4.4 sebelum ini.

Meraikan perbezaan Qiraat ‘Ashr dalam pentafsiran al-Quran adalah satu keperluan. Ini kerana setiap satu bacaan dengan bacaan yang lain adalah seumpama dua ayat yang berbeza dan perbuatan meraikannya adalah termasuk daripada pentafsiran al-Quran dengan al-Quran (Muhammad ‘Umar Bazmul, 1993). Ibn Taimiyyah (1972) dan al-Zarkashi (1984) menegaskan bahawa

pentafsiran al-Quran dengan al-Quran adalah peringkat pertama dalam proses pentafsiran al-Quran.

Seterusnya, mengenai “meraikan riwayat-riwayat sahih” pula ia merupakan salah satu daripada metode yang telah digariskan oleh para ulama ketika menangani pertembungan. Muhammad Husain al-Zahabi (2010) menyatakan bahawa pertembungan dan percanggahan maksud itu adalah apabila satu maksud menyabitkan suatu perkara sedangkan satu maksud lagi menafikannya dalam keadaan kedua-duanya tidak boleh dikumpulkan dan diraikan. Adapun apabila terdapat perbezaan maksud tetapi ia boleh diraikan atau perbezaan yang menunjukkan kepelbagaian maka ia bukan dianggap suatu pertembungan.

Oleh itu, perbezaan Qiraat ‘*Ashr* pada ayat 106 surah al-Baqarah ini menunjukkan sokongan kuat terhadap pendapat majoriti ulama yang menetapkan konsep *nasakh* dan *mansukh* kerana pentafsiran yang menjurus kepada sokongan ini bukan sekadar diasaskan kepada pendapat atau ijtihad semata-mata tetapi ia diasaskan kepada sumber yang paling kuat dalam pentafsiran al-Quran iaitu pentafsiran al-Quran dengan al-Quran. Kata Muhammad Husain al-Zahabi (2010) “jika seseorang itu beralih daripada sumber ini (tafsir al-Quran dengan al-Quran) kepada pendapatnya sendiri maka ia telah bersalah dan itu pendapat yang dicela” (j.1, h.273).

Selain itu, ia juga diasaskan di atas pentafsiran al-Quran dengan kata-kata para sahabat kerana kewujudan Qiraat Shadhdhah yang menyokong pentafsiran *تَنْسِيهَا* dengan melupakan ayat-ayat yang pernah diturunkan. Perlu diketahui bahawa kredibiliti Qiraat Shadhdhah dalam pentafsiran adalah seumpama hadis Nabi SAW yang berstatus ‘ahad atau setidak-tidaknya setaraf dengan kata-kata para sahabat (‘Abd al-Karim al-Namlah, 1999). Dalam metode pentafsiran al-Quran, kedua-dua perkara ini terletak pada peringkat kedua dan ketiga daripada sumber tafsir (Muhammad Husain al-Zahabi, 2010).

5. Penutup

Kajian ini membuktikan bahawa perbezaan qiraat bukan hanya ilmu berkaitan bacaan al-Quran tetapi ia berperanan dalam apa jua cabang ilmu Islam yang sumber asasnya ialah al-Quran. Peranannya mungkin pada aspek memberi sokongan, kefahaman yang lebih mendalam dan meluas atau mencambahkan ilmu baru. Maka, kajian yang mengaitkan perbezaan qiraat dengan cabang ilmu Islam lain atau apa-apa konsep yang diaplikasikan dalam apa jua disiplin ilmu Islam perlu diteruskan serta dikenal pasti kelompangan yang mesti ditampal dengan tampalan yang berkualiti.

Rujukan

- Al-‘Amadi, A. S. (t.t). *Irshad al- ‘Aql al-Salim ila Mazaya al-Quran al-Karim*. Beirut-Lubnan: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy.
- Al-Alusi, M. A. (1994). *Ruh al-Ma’ani fi Tafsir al-Quran al- ‘Azim wa al-Sab’ al-Mathani*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Andalusi, A. H. (2010). *Al-Bahr al-Muhit fi al-Tafsir*. Beirut-Lubnan: Dar al-Fikr.
- Al-Andalusiy I. A. (2001). *Al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al- ‘Aziz*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Azhariy, A. M. (2001). *Tahdhib al-Lughah*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy.
- Al-Baghawi, H. M. (1989). *Ma’alim al-Tanzil*. Riyad: Dar Tayyibah.
- Al-Baidawi, N. (1998). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil*. Beirut-Lubnan: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Damin, H. S.(1985). *Kitab al-Nasikh wa al-Mansukh fi Kitabillah: Tahqiq*. Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Al-Dimashqi, A. S. (t.t). *Ibraz al-Ma’ani min Hirz al-Amani*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Farisi, A. A. (1984). *Al-Hujjah li al-Qurra’ al-Sab’ah*. Damshik: Dar al-Ma’mun li al-Turath.
- Al-Jawhari, I. H. (1990). *Al-Shihah Taj al-Lughah wa Shihah al- ‘Arabiyyah*. Beirut-Lubnan: Dar al-‘Ilm li al-Malayin.
- Al-Jazari, M. (2000). *Sharh Tayyibah al-Nashr fi al-Qiraat al- ‘Ashr*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Khazin, M. (2004). *Lubab al-Ta’wil fi Ma’ani al-Tanzil*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Khin, M. S. (2000). *Al-Kafi al-Wafi fi Usul al-Fiqh al-Islamiy*. Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Al-Namlah, A. K. (1999). *al-Muhadhdhab fi ‘Ilm Usul al-Fiqh al-Muqarin*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Al-Nasafi, A. (1998). *Madarik al-Tanzil wa Haqaiq al-Ta’wil*. Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Al-Nawzawazi, M. (2018). *Al-Mughni fi al-Qiraat*. Saudi Arabia: al-Jam’iyyah al-Ilmiyyah al-Su’udiyah li al-Quran al-Karim wa ‘Ulumih.
- Al-Nuwairi, M. (2003). *Sharh Tayyibah al-Nashr fi al-Qiraat al- ‘Ashr*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qadi, A. F. (1981). *Al-Qiraat al-Shadhdhah wa Tawjihuha min Lughah al- ‘Arab*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kitab al-‘Arabiyy.
- Al-Qaisi, M. A. T.(1974). *Al-Kashf ‘an Wujuh al-Qiraat wa ‘Ilaliha wa Hijajiha*. Damshiq: Muajamma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah.
- Al-Qattan, M.(t.t). *Mabahith fi ‘Ulum al-Quran*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurashi, A. (2009). *Al-Qiraat al-Shadhdhah wa Atharuha fi al-Tafsir. Majallah Ma’had al-Imam al-Shatibi li al-Dirasat al-Qur’aniyyah*, 7, 13-65.
- Al-Qurtubi, A. A. M. (2006). *Al-Jami’ li Ahkam al-Quran*. Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Al-Razi, F. M. (1981). *Tafsir al-Fakhr al-Razi al-Mustahir bi al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghaib*. Beirut-Lubnan: Dar al-Fikr.
- Al-Samarqandi, A. A. N. (1993). *Tafsir al-Samarqandi al-Musamma Bahr al- ‘Ulum*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Samurra’i, M. F. (2013). *Al-Sarf al- ‘Arabiyy Ahkamun wa Ma’anin*. Damshik: Dar Ibn Kathir.
- Al-Suyuti, J. (2011). *Al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir al-Ma’thur*. Beirut-Lubnan: Dar al-Fikr.

- Al-Suyuti, J. & Al-Mahalli, J. (2000). *Al-Quran al-Karim Ma'a Tafsir al-Jalalain*. Damshik: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Tabari, A. J. M. (2001). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Aiy al-Quran*. Giza: Dar Hijr.
- Al-Tha'alibi, A. R. (1997). *Al-Jawahir al-Hisan fi Tafsir al-Quran*. Beirut-Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Tha'labi, A. R. (2015). *Al-Kashf wa al-Bayan 'an Tafsir al-Quran*. Jeddah-Saudi Arabia: Dar al-Tafsir.
- Al-Zabidi, M. (1965). *Taj al-'Arus Min Jawahir al-Qamus*. Kuwait: Matba'ah Hukumah al-Kuwait.
- Al-Zabidi, M. (1997). *Taj al-'Arus Min Jawahir al-Qamus*. Kuwait: Matba'ah Hukumah al-Kuwait.
- Al-Zabidi, M. (2001). *Taj al-'Arus Min Jawahir al-Qamus*. Kuwait: Matba'ah Hukumah al-Kuwait.
- Al-Zahabi, M. H. (2010). *Al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Kuwait: Dar al-Nawadir.
- Al-Zajjaj, A. I. I. (1988). *Ma'ani al-Quran wa I'rabihi*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Al-Zamakhshari, M. (2009). *Tafsir al-Kashshaf 'an Haqaiq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Beirut-Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Zuhaili, S. (2009). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. Damshik: Dar al-Fikr.
- Al-Zurqani, A. A. (1995). *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy.
- Ashur, I. (1984). *Al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: Dar al-Tunisiyyah.
- Bazmul, M. U. S. (1993). *Al-Qiraat wa Atharaha fi al-Tafsir wa al-Ahkam. Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Umm al-Qura Saudi Arabia.
- Daif, S. (2004). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Mesir: Mujamma' al-Lughah al-'Arabiyyah.
- Jalil, A. (2019). Taujih al-Ayat Sebagai Alternatif dalam Menyikapi Polemik Nasakh. *Mizani: Wacana Hukum, Ekonomi dan Keagamaan*, 6(2), 81-92.
- Jinni, I. (1994). *Al-Muhtasab fi Tabyin Wujuh Shawadh al-Qiraat wa al-Idah 'anha*. Kaherah: Lajnah Ihya' Kutub al-Sunnah Wizarah al-Awqaf.
- Kathir, I. (2000). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Khalawaih, I. (1979). *Al-Hujjah fi al-Qiraat al-Sab'*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Mahmud, M. (2008). *Al-Nasikh wa al-Mansukh: Dirasah wa Tahqiq*. Kaherah: Dar Ibn 'Affan.
- Manzur, I. (2003). *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Maryam, I. A. (1993). *Al-Mudah fi Wujuh al-Qiraat wa 'Ilaliha*. Jaddah: al-Jamaah al-Khairiyyah li Tahfiz al-Quran al-Karim.
- Muhaisin, M. S. (1988). *Al-Mughni fi Tawjih al-Qiraat al-'Ashr al-Mutawatirah*. Beirut-Lubnan: Dar al-Jil.
- Muhaisin, M. S. (1997). *Al-Hadi Sharh Tayyibah al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr wa al-Kashf 'an 'Ilal al-Qiraat wa Tawjihaha*. Beirut: Dar al-Jil.
- Muhyiddin, M. (2007). *Al-Tuhfah al-Saniyyah bi Sharh al-Muqaddimah al-Ajurrumiyyah*. Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Nurjaman, M. I. (2021). Pengaruh Metode Nasakh Mansukh Terhadap Kedudukan al-Quran Sebagai Mashadir al-Ahkam. *El-Furqania*, 8(2), 179-191.
- Rafi, M. (2020). Konsep Nasikh wa Mansukh Menurut Syah Wali Allah al-Dahlawi dan Implementasinya. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Raushan Fikr*, 9(2), 112-129.
- Reflita. (2017). Redefinisi Makna Nasakh Internal ayat al-Quran. *Substantia*, 9(1), 23-36.
- Rida, M. R. (1947). *Tafsir al-Manar*. Kaherah: Dar al-Manar.
- Sabrifha, E. & Mochammad Novendri S. (2022). Implikasi Konsep Naskh dan Mansukh Terhadap Istibat Hukum. *Al Qalam: Jurnal Ilmiah Keagamaan dan Kemasyarakatan*, 16(6), 2521-2538.

Yasir, A. (2020). Nasikh dan Mansukh dalam al-Quran Perspektif al-Suyuthi dan Muhammad Abduh. *Disertasi Sarjana Muda*. Universitas Islam Negeri Sulthan Thaha Saifuddin Jambi.

Zur'ah, A. (1997). *Hujjah al-Qiraat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.